



Ahli Kumpulan UEM 



## PRESS RELEASE

# PLUS DAN GENTARI MELANCARKAN STESEN PENGECAS PANTAS EV MODULAR MUDAH ALIH DILENGKAPI SISTEM SIMPANAN KUASA BATERI DI MALAYSIA, DI HENTIAN SEBELAH BEHRANG (ARAH UTARA)

*Pengecas EV bersepadu disokong simpanan kuasa bateri yang dijana oleh tenaga solar akan disediakan di beberapa Kawasan Rehat & Rawat dan Hentian Sebelah sepanjang lebuhraya di Malaysia, dan merupakan inisiatif pertama seumpamanya di Malaysia*

**Behrang, Perak, Malaysia – 17 Oktober 2023** – PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dan penyedia penyelesaian tenaga bersih Gentari Sdn Bhd (Gentari), melalui anak syarikat milik penuh, Gentari Green Mobility Sdn Bhd (Gentari Green Mobility) telah berkolaborasi untuk menyediakan Stesen Pengecas Pantas Kenderaan Elektrik Modular Mudah Alih yang dilengkapi dengan Sistem Simpanan Kuasa Bateri (BESS), di Hentian Sebelah Behrang (Arah Utara).



Majlis pelancaran pada hari ini telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi. Turut hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, Pengerusi PLUS, Dato' Mohamad Nasir Ab Latif, Pengarah Urusan UEM Group Berhad dan Ahli Lembaga PLUS, Dato' Mohd Izani Ghani, Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Gentari dan Ketua Pegawai Eksekutif, Gentari Green Mobility, Shah Yang Razalli dan Pengarah Urusan EV Connection, Ir Lee Yuen How.



Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata, "Kolaborasi di antara PLUS dan Gentari merupakan satu kerjasama utama yang boleh memanfaatkan kekuatan tersendiri daripada setiap organisasi untuk menyokong sistem pengangkutan yang mesra alam sekitar, mencipta persekitaran yang lebih kondusif untuk penggunaan kenderaan mesra alam. Di Kementerian, kami komited untuk mencapai matlamat kelestarian Malaysia dan saya percaya kolaborasi ini akan memainkan peranan penting dalam memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk menyokong penyelesaian pengangkutan rendah karbon, selari dengan objektif yang terkandung dalam Pelan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Pelan Hala Tuju Teknologi Hijau Malaysia (GTMP) dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB)."

Menurut Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, "Sebagai pengendali lebuh raya terbesar di Malaysia dan rakan strategik negara, PLUS komited untuk menyokong dan menyumbang



Ahli **Kumpulan UEM**



kepada agenda kelestarian negara. Kami berganding bahu bersama-sama Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia serta pemain industri utama untuk menyokong pelan hala tuju pembangunan infrastruktur stesen pengecas EV, di mana kami mensasarkan untuk menyediakan 100 stesen pengecas EV DCFC di seluruh rangkaian Lebuhraya PLUS menjelang tahun 2025 untuk membentuk ekosistem yang kondusif bagi rakyat untuk beralih kepada penggunaan EV. Kerjasama PLUS dengan Gentari adalah salah satu pelan strategik kami untuk meningkatkan penyediaan kemudahan pengecasan EV, mempercepatkan pelaksanaan pelan serta rancangan dalam menyokong Malaysia bergerak ke arah negara berkarbon neutral menjelang tahun 2050.”

Pengecas bersepadu untuk kegunaan awam yang dilengkapi oleh Sistem Simpanan Kuasa Bateri (BESS) serta penggunaan tenaga solar ini, merupakan yang pertama di negara ini, dan ianya akan dilancarkan secara berperingkat pada tahun 2023 dan 2024, bermula dengan projek rintis di empat Hentian Sebelah di sepanjang Lebuhraya PLUS. Setiap lokasi akan mempunyai kuasa pengecasan DC sehingga 200 kW, dan empat poin pengecasan akan disediakan. Empat lokasi yang dicadangkan ialah Hentian Sebelah Behrang (Arah Utara dan Arah Selatan) di Perak dan Hentian Sebelah Senawang (Arah Utara dan Arah Selatan) di Negeri Sembilan. Tiga lagi lokasi akan dirancang di Hentian Sebelah Ajil (Arah Utara dan Arah Selatan) dan Kawasan Rehat & Rawat Perasing, yang terletak di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2), Terengganu.

Di samping itu, beberapa poin pengecas Alternating Current (AC) di stesen minyak PETRONAS sedia ada yang terletak di kawasan rehat dan rawat (R&R) dan hentian sebelah, akan dinaik taraf kepada poin pengecas DC Pantas (DCFC). Gentari juga akan membangunkan poin pengecas DCFC di stesen minyak PETRONAS sepanjang Lebuhraya PLUS dan lokasi berdekatan, yang dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2024.

Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada perancangan strategik lebuhraya untuk memberikan keyakinan jarak kepada pengguna-pengguna EV yang melakukan perjalanan rentas negeri.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Gentari dan Ketua Pegawai Eksekutif, Gentari Green Mobility, Shah Yang Razalli berkata, “Kerjasama kami bersama PLUS dan Lembaga Lebuhraya Malaysia merupakan satu langkah penting yang progresif di dalam usaha kami untuk menggalakkan pembangunan ekosistem EV di Malaysia, sambil memberi keutamaan kepada keperluan pelanggan kami. PLUS, sebagai pengendali lebuhraya terbesar di Malaysia, memainkan peranan penting dalam meningkatkan infrastruktur dan kemudahan yang menjadi keperluan pemandu-pemandu di Malaysia. Secara langsung, ini akan meningkatkan keyakinan jarak dan hasrat orang ramai untuk beralih kepada EV. Gentari bersama rakan kongsi kami, EV Connection Sdn. Bhd. (EVC) amat teruja dengan kolaborasi ini untuk memperkenalkan Stesen Pengecas Pantas Kenderaan Elektrik Modular Mudah Alih. Inisiatif perintis ini menggabungkan penggunaan inovatif sistem BESS dan tenaga solar, dan kami berharap untuk terus mengorak langkah ke arah masa hadapan yang lebih lestari.”



Ahli **Kumpulan UEM** 



Sejak diperkenalkan pada Jun 2022 sehingga kini, Gentari telah menyediakan lebih daripada 180 poin pengecasan di Malaysia dan lebih daripada 160 poin pengecasan di India, melalui rakan strategik syarikat. Dengan misi menjadi rakan penyelesaian tenaga bersih yang terbaik di Asia Pasifik menjelang tahun 2030, Gentari berhasrat untuk menguasai lebih daripada 10% pasaran poin pengecasan kenderaan EV di pasaran-pasaran utama di Asia Pasifik.

**-TAMAT-**

### **Mengenai PLUS**

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) adalah pengendali lebuhraya terbesar di Semenanjung Malaysia, memastikan keselamatan dan keselesaan 1.7 juta pengguna lebuhraya harian sepanjang 1,130km di negara ini. PLUS telah menjadi rakan strategik Negara selama tiga dekad, dan memainkan peranan penting dalam membentuk dan menyumbang kepada agenda pembangunan lestari negara.

Misi PLUS adalah menghubungkan komuniti untuk membentuk masa hadapan yang selamat dan lestari, berkomitmen tinggi untuk menjalankan perniagaan dan operasi dengan menjaga alam sekitar dan bertanggungjawab secara sosial, serta mengekalkan tadbir urus yang baik.

Pada ketika ini, PLUS telah menyediakan 22 Stesen Pengecas Pantas Arus Terus (DCFC) di rangkaian lebuhrayanya. Bagi mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk rakyat beralih kepada penggunaan EV, PLUS turut mensasarkan 100 Stesen Pengecas DCFC bakal disediakan di rangkaian lebuhrayanya menjelang akhir 2025.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari laman web kami di [www.plus.com.my](http://www.plus.com.my) dan platform-platform media sosial kami.

### **Mengenai Gentari**

Gentari bertumpu kepada menyediakan penyelesaian yang membolehkan penggunaan tenaga bersih pada hari ini, untuk mengubah cara hidup pada masa depan. Tiga teras utama awal Gentari iaitu Tenaga Boleh Diperbaharui, Hidrogen dan Mobiliti Hijau membentuk portfolio penyelesaian yang komprehensif untuk membantu pelanggan dalam dalam perjalanan penyahkarbonan mereka. Pada jangka masa panjang, Gentari berhasrat menjadi rakan penyelesaian tenaga bersih yang paling dihargai, mencipta nilai yang lebih tinggi, menghubungkan perniagaan, dan membolehkan peralihan kepada masa depan sifar bersih.

Untuk maklumat lanjut mengenai Gentari, sila layari [www.gentari.com](http://www.gentari.com).